

09/02/1998

Setiu tidak hadapi perebutan jawatan penting

SETIU, Ahad - Umno bahagian Setiu dijangka tidak menghadapi masalah perebutan jawatan ketua, timbalan dan naib ketua pada pemilihan jawatan bulan depan.

Timbalan ketua bahagiannya, Datuk Mamat Ghazalee Abd Rahman, berkata tidak ada sebab pucuk pimpinan sedia ada perlu ditukar berikutan tiada masalah yang dihadapi, dalam usaha membangunkan daerah itu.

Yang lebih penting ialah khidmat kepada rakyat dan pembangunan daerah secara keseluruhan berbanding perebutan jawatan.

"Secara peribadi, saya dan ketua bahagian tidak mahu melihat pertandingan jawatan bulan depan demi kemantapan politik di bahagian ini," katanya kepada pemberita, di sini.

Menurutnya, walaupun perlembagaan Umno tidak menghalang seseorang ahli bertanding, yang lebih penting ialah nasihat presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Umno Setiu akan mengutamakan politik pembangunan dan jika ada perebutan, ia akan menjejaskan usaha membangunkan rakyat dan daerah, katanya.

Beliau yakin perwakilan Umno bahagian sudah matang dan boleh berfikir untuk menentukan masa depan dan kepemimpinan parti dan bukannya untuk menjatuhkan pemimpin hanya demi kepentingan tertentu dan tidak berpuas hati.

"Pemimpin juga tidak perlu terkilan atau berkecil hati jika ada ahli memperkatakan sesuatu tidak baik mengenai peribadi mereka, sebaliknya mereka harus terus menunjukkan teladan baik yang boleh dijadikan contoh terutama mengamalkan sikap kerjasama dan perpaduan," katanya.

Difahamkan, walaupun tiada ada pertandingan merebut jawatan penting, Ketua Pemuda bahagian, Lokman Muda dijangka dicabar kali ini.

(END)